



MONOGRAF 2021



PRODUK JABATAN

PLANMalaysia@Melaka

(JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
NEGERI MELAKA)



KULIT REPORT



mONOGRAF
PLANMalaysia@Melaka
2021

SIDANG REDAKSI

Penasihat :

- TPr Norjafni bin Zainuddin

Editor :

- En. Mohd Syukri bin Yahya

Pengarang :

- En. Mohd Fahrurazi bin Ahmad Suleiman

- Pn. Ainnurnazira binti Junaidi

Setiausaha :


- En. Muhammad Hazam bin Dusuki

Grafik & Fotografi :

- Pn. Norlyza binti Rosli

- Pn. Sharina binti Jailani

- Pn. Suryati binti Mkod Anuar



PLANMalaysia@Melaka

Perancangan Melangkau Kelaziman

Planning Beyond Conventional

<http://www.jpbdmelaka.gov.my>

Tahun Terbitan : 2021

Isi Kandungan

□ Perutusan YAB Ketua Menteri Melaka	i
□ Sekapur Sirih YB Dato SUK	ii
□ Prakata Pengarah	iii

1.0 Pengenalan

1.1 Tujuan	2
1.2 Dasar Kualiti	2

2.0 Latar Belakang

2.1 Latar Belakang Jabatan	4
----------------------------	---

3.0 Visi, Misi dan Objektif Jabatan

3.1 Visi	7
3.2 Misi	7
3.3 Objektif	7

4.0 Fungsi Jabatan

4.1 Senarai Fungsi Jabatan	9
----------------------------	---

5.0 Produk Jabatan

5.1 Kajian Pelan Induk Pelancongan Negeri Melaka 2035	12
5.2 Garis Panduan Perancangan Rumah Penyembahan Selain Islam Negeri Melaka (RPSI)	17
5.3 Penerbitan Monograf Jabatan (Edisi 2020)	20
5.4 Buletin Tahunan Jabatan (Tahun 2020)	23
5.5 Garis Panduan Perancangan Laluan Basikal dan Pejalan Kaki Negeri Melaka (<i>Draf</i>)	26
5.6 Buku Panduan Tatacara Pemprosesan Permohonan Secara Rundingan di Bawah Seksyen 20A, Akta 172, Negeri Melaka (<i>Draf</i>)	29
5.7 Buku Panduan Tatacara Pemprosesan Permohonan di Bawah Subseksyen 5(2), Akta 172, Negeri Melaka (<i>Draf</i>)	32
5.8 Garis Panduan Perancangan Kawasan Lapang dan Rekreasi Negeri Melaka	36
5.9 Garis Panduan Perancangan Komunikasi (Struktur Pemancar) Sebagai Utiliti Ketiga Negeri Melaka	41
5.10 Tatacara Pemprosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Peringkat Negeri Melaka (<i>Draf</i>)	46

Isi Kandungan

5.0 Produk Jabatan

5.11	Garis Panduan Perancangan Kebenaran Merancang Tempoh Terhad Negeri Melaka (<i>Draf</i>)	48
5.12	<i>Melaka Geographic Information System (MeLGIS)</i>	51
5.13	Kajian Pembangunan Data Spatial Sempadan Jawatankuasa Pembangunan & Keselamatan Kampung (JPKK)	56
5.14	Sistem Pengurusan Latihan PLANMalaysia@Melaka (eSPeL)	63

6.0 Penutup

6.1	Kesimpulan	69
6.2	Penghargaan dan Terima Kasih	70



PERUTUSAN YAB KETUA MENTERI MELAKA



Salam Hormat

**“ Melakaku Maju Jaya
Rakyat Bahagia
Menggamit Dunia”**



Alhamdulillah dan segala pujian bagi Allah SWT kerana Rahmat dan Limpah Keizinan-Nya, Monograf PLANMalaysia@Melaka (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka) ini dapat diterbitkan dengan jayanya bagi tahun 2021 walaupun dengan pelbagai halangan Pandemik Covid-19.

Perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) telah genap usianya 100 tahun pada 2021. Penubuhan di Negeri Melaka bermula tahun 1960 dengan nama Jabatan Perancangan Bandar dan Kampung Negeri Melaka dan lokasi pejabat di Jalan Laksamana. Tahun 1977, bermulalah detik sejarah apabila Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka ditubuhkan untuk menggantikan cawangan tersebut.

Fungsi PLANMalaysia@Melaka yang dapat dilihat dengan perspektif yang menyeluruh dalam membangunkan Negeri Melaka adalah sangat menyerlah dan banyak membuahkan hasil yang positif terutama fungsi PLANMalaysia@Melaka sebagai penasihat kepada kerajaan Negeri Melaka menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Melaka. PLANMalaysia@Melaka telah menyediakan berbagai garis panduan serta dasar-dasar perancangan selaras dengan kehendak sebagai sebuah negeri yang terurus dan teratur, membangun dengan perancangan yang betul selaras dengan wawasan Melaka sebagai sebuah negeri maju.

Diharapkan dengan penerbitan Monograf ini dapat membuka minda masyarakat Malaysia khususnya dalam bidang Perancangan Bandar serta memacu pembangunan Negeri Melaka. Tahniah dan syabas kepada PLANMalaysia@Melaka kerana berjaya menerbitkan monograf ini. Semoga jabatan lain dapat mengikut jejak serta menjadikan ia suatu jambatan penghubung hasrat kerajaan kepada rakyat sepertimana yang diharapkan dan sentiasa diberkati oleh Allah SWT.

Salam hormat,

DATUK SERI UTAMA (Dr.) HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI
Ketua Menteri Melaka

SEKAPUR SIRIH YB DATO SUK



Salam Hormat

**“ Melakaku Maju Jaya
Rakyat Bahagia
Menggamit Dunia”**



Penjawat awam adalah nadi dan sumber inspirasi perkhidmatan awam negara serta penentu kejayaan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan. Semua penjawat awam perlu sentiasa bersikap profesional dan juga perlu berfikir di luar kotak dalam mencari idea-idea baharu bagi memastikan tahap keberhasilan perkhidmatan yang diberikan oleh kerajaan dapat dirasai oleh semua genap rakyat.

Penerbitan Monograf ini dilihat sebagai salah satu penghasilan bahan ilmiah yang dilihat dapat membantu dalam meneruskan agenda Kerajaan Negeri bagi mencapai matlamat utama dalam membina dan mengurus negeri Melaka ke arah Melaka Maju Jaya, serta akan memenuhi harapan dan kehendak daripada rakyat.

Selain daripada itu juga, ianya sedikit sebanyak dapat membantu dalam merubah lanskap kehidupan masyarakat di Negeri Melaka ke arah masyarakat yang maju dengan pemikiran sepertimana di negara maju. Saya juga berharap dengan adanya monograf ini, ianya dapat digunakan dan dimanfaatkan kepada umum dan dijadikan asas kepada pembangunan yang lebih berdaya saing.

Tahniah dan syabas kepada PLANMalaysia@Melaka kerana berjaya menghasilkan monograf yang sangat komprehensif dan di luar kelaziman perancangan bandar dan juga Selamat 100 Tahun Profesion Perancang Bandar di Malaysia dan Melaka Khususnya. Sekian terima kasih.

Salam hormat,

DATO Ts. KAMEL MOHAMAD
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

PRAKATA PENGARAH



**Salam Hormat &
Salam 100 Tahun Perancang Bandar Malaysia**



Alhamdulillah setinggi-tinggi syukur kehadiran Ilahi kerana PLANMalaysia@Melaka telah berjaya menghasilkan dan menerbitkan Monograf ini. Dengan kerjasama semua kakitangan terutamanya Ketua-ketua Bahagian di PLANMalaysia@Melaka selaras dengan wawasan Kerajaan Negeri.

PLANMalaysia@Melaka berperanan sebagai penasihat kepada kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi kerajaan yang lain dalam urusan perancangan dan pembangunan spatial melalui aktiviti-aktiviti penyediaan rancangan pembangunan, kawalan pembangunan dan penyediaan pelan-pelan susunatur bagi kawasan-kawasan perkampungan, perumahan, perindustrian, pelancongan dan sebagainya. Perkembangan fungsi dan tanggungjawab Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri dapat dilihat berdasarkan kepada penglibatan serta keanggotaannya di dalam berbagai jawatankuasa di peringkat persekutuan, negeri, daerah dan kerajaan tempatan.

Terbitan monograf ini merupakan bahan ilmiah yang disediakan secara khusus terhadap hasil atau input PLANMalaysia@Melaka yang terperinci dalam membantu pihak-pihak yang berkenaan khususnya di dalam bidang perancangan bandar dan desa dan juga bidang-bidang yang berkaitan dalam membuat perancangan serta pembangunan di Negeri Melaka selaras dengan slogan Kerajaan untuk menjadikan Negeri Melaka sebagai **“Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia”**.

Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua lapisan pegawai PLANMalaysia@Melaka yang terlibat dalam membantu dan menjayakan penerbitan monograf ini.

Sekian,

TPr. Norjafni bin Zainuddin
Pengarah PLANMalaysia@Melaka

1.0 PENGENALAN



1.1 TUJUAN

*M*onograf pada tahun ini (Edisi 2021) menceritakan tentang **produk-produk jabatan** yang telah berjaya atau sedang diterbitkan oleh PLANMalaysia@Melaka dengan kerjasama jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensi teknikal yang lain.

Monograf adalah sebutan lain untuk buku, dan digunakan untuk membezakan terbitan tersebut dengan terbitan bersiri. Penghasilan monograf dapat digunakan dan dimanfaatkan kepada umum dan dijadikan asas kepada perancangan dan pembangunan yang lebih berdaya saing khususnya di Negeri Melaka.

Penerbitan Monograf ini juga dapat membuka minda masyarakat khususnya di dalam bidang Perancangan Bandar dan Desa.

1.2 DASAR KUALITI

PLANMalaysia@Melaka komited untuk memberi perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa yang memenuhi keperluan pelanggan serta meningkatkan secara berterusan kualiti perkhidmatan melalui pencapaian dan penambahbaikan objektif kualiti. Pengurusan atasan PLANMalaysia@Melaka perlulah memastikan Dasar Kualiti sentiasa :

- ❑ Bersesuaian dengan hala tuju Pengurusan PLANMalaysia@Melaka
- ❑ Difahami oleh warga kerja PLANMalaysia@Melaka
- ❑ Dibincangkan dan dikaji semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semula Pengurusan (sekurang-kurangnya sekali setahun) untuk memastikan kepuasan pelanggan tercapai secara berterusan
- ❑ Melaksanakan penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan kualiti secara berterusan sejajar dengan keperluan semasa Sistem Pengurusan Kualiti PLANMalaysia@Melaka

2.0

LATAR BELAKANG



2.1 LATAR BELAKANG JABATAN



Perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Melaka atau kini dikenali sebagai **PLANMalaysia@Melaka** bermula pada tahun 1960 apabila Jabatan Perancangan Bandar dan Kampung Negeri Sembilan / Melaka ditubuhkan di Seremban.

Pada September 1973, Jabatan ini telah dikembangkan dengan tertubuhnya pejabat cawangan di Jalan Laksamana.

Tanggal 1 Januari 1977, bermulalah detik sejarah apabila Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka ditubuhkan untuk menggantikan cawangan tersebut. PLANMalaysia@Melaka kini terletak di dalam Bangunan Wisma Negeri, Melaka.

Lokasi bangunan ini adalah di kawasan *Melaka International Trade Centre (MITC)*, Ayer Keroh, Melaka yang menempatkan pelbagai agensi dan jabatan kerajaan.

Secara amnya, PLANMalaysia@Melaka berperanan penting sebagai penasihat kepada kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi kerajaan yang lain dalam urusan perancangan dan pembangunan spatial melalui aktiviti-aktiviti penyediaan rancangan pembangunan, kawalan pembangunan dan penyediaan pelan-pelan susunatur bagi kawasan-kawasan perbandaran dan desa seperti perumahan, perniagaan, perindustrian, pelancongan dan sebagainya.



Perkembangan fungsi dan tanggungjawab Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka dapat dilihat berdasarkan kepada penglibatan serta keanggotaannya di dalam berbagai jawatankuasa di peringkat persekutuan, negeri, daerah dan kerajaan tempatan.

3.0

VISI, MISI & OBJEKTIF JABATAN



3.0 VISI, MISI DAN OBJEKTIF JABATAN

3.1 VISI

“Menjadi Peneraju Perancang Bandar dan Desa ke arah Mewujudkan Persekitaran Kehidupan yang Berkualiti, Sejahtera dan Mampan Menjelang 2035”

3.2 MISI

“Memacu Perancangan Fizikal Negeri Melalui Pelaksanaan dan Pemantauan Perancangan Pembangunan yang Komprehensif, Sistematis dan Inovatif”

3.3 OBJEKTIF

- a) Untuk mengukuhkan pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi kawasan bandar dan desa bagi meningkatkan taraf perkhidmatan selaras dengan matlamat Negeri Melaka.
- b) Untuk mengatur, mengawal dan menyelaras pemajuan, penggunaan dan pemeliharaan tanah melalui pelaksanaan berkesan Akta 172 dan Akta berkaitan.
- c) Untuk menggubal dan melaksanakan kaedah - kaedah di bawah Akta 172, pelan dan garis panduan perancangan serta memastikan pemakaian berkesan oleh semua agensi di peringkat pelaksanaan.
- d) Untuk menjadi penasihat utama dalam perancangan bandar dan desa kepada Kerajaan Negeri dan PBPT serta agensi berkaitan.
- e) Merancang, melaksana dan menyelaras aktiviti pentadbiran dan pengurusan kewangan dengan cekap, tepat dan sempurna.


4.0

FUNGSI JABATAN



4.1 SENARAI FUNGSI JABATAN

Berikut merupakan antara fungsi jabatan bagi PLANMalaysia@Melaka :



5.0 PRODUK JABATAN



Berikut merupakan senarai produk jabatan yang **telah** atau **sedang** dihasilkan oleh PLANMalaysia@Melaka hasil kerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan dan agensi teknikal yang lain :

01

Kajian Pelan Induk
Pelancongan Negeri
Melaka 2035

02

Garis Panduan
Perancangan Rumah
Penyembahan Selain
Islam Negeri Melaka
(RPSI)

03

Penerbitan Monograf
Jabatan (Edisi 2020)

04

Buletin Tahunan Jabatan
(Tahun 2020)

05

Garis Panduan
Perancangan Laluan
Basikal dan Pejalan Kaki
Negeri Melaka (*Draf*)

06

Buku Panduan Tatacara
Pemprosesan
Permohonan Secara
Rundingan di Bawah
Seksyen 20A, Akta 172,
Negeri Melaka (*Draf*)

07

Buku Panduan Tatacara
Pemprosesan
Permohonan di Bawah
Subseksyen 5(2), Akta
172, Negeri Melaka
(*Draf*)

08

Garis Panduan
Perancangan Kawasan
Lapang dan Rekreasi
Negeri Melaka

09

Garis Panduan
Perancangan Komunikasi
(Struktur Pemancar)
Sebagai Utiliti Ke-3
Negeri Melaka

10

Tatacara Pemprosesan
Laporan Penilaian Impak
Sosial (SIA) Peringkat
Negeri Melaka (*Draf*)

11

Garis Panduan
Perancangan Kebenaran
Merancang Tempoh
Terhad Negeri Melaka
(*Draf*)

12

*Melaka Geographic
Information System
(MeLGIS)*

13

Kajian Pembangunan Data Spasial
Sempadan Jawatankuasa Pembangunan
& Keselamatan Kampung (JPKK)

14

Sistem Pengurusan Latihan
PLANMalaysia@Melaka (eSPeL)

5.1 KAJIAN PELAN INDUK PELANCONGAN NEGERI MELAKA 2035

a) Pengenalan

Pelancongan merupakan salah satu daripada **industri penting** yang menyumbang kepada pendapatan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara.


Negeri Melaka merupakan di antara **negeri yang tersohor dengan aktiviti pelancongan** dan berjaya menarik kedatangan serta menjadi pilihan pelancong dan pelawat dari dalam dan luar negara.

Walaupun Negeri Melaka adalah sebuah negeri yang menjadikan pelancongan sebagai antara **penyumbang utama kepada KDNK Negeri**, ianya **tidak mempunyai pelan induk** bagi pelancongan negeri.

Berdasarkan pernyataan daripada **Ketua Menteri Melaka YAB Datuk Seri Utama (Dr.) Haji Sulaiman bin Md Ali**, kesan akibat penularan pandemik Covid-19, negeri Melaka telah merekodkan **penurunan** kehadiran pelancong **melebihi 70 peratus pada tahun 2020** berbanding pada 2019.

Pada **tahun 2019**, Melaka telah menerima seramai **18.7 juta pelancong**, dengan jumlah pendapatan sebanyak RM21.298 billion (BERNAMA, 2021).

15 Produk Pelancongan





b) Tujuan / Matlamat

Matlamat bagi kajian ini adalah

“ Menghasilkan Pelan Induk Pelancongan Negeri Melaka 2035 bagi Memandu Pembangunan Pelancongan Semasa dan Dalam Landskap Pelancongan Pasca Covid-19 Supaya Berdaya Saing, Mampun, Inklusif dan Berdaya Tahan (resilient) ”

c) *Objektif*

Bagi mencapai matlamat kajian, 7 objektif telah dirangka iaitu :

- Menyediakan perancangan dan pengurusan yang komprehensif bagi memastikan sektor pelancongan di Negeri Melaka lebih berdaya maju dan berdaya tahan.
- Merancang dan memastikan produk serta kemudahan sokongan pelancongan berkualiti, selesa dan mesra pengguna.
- Mempertingkatkan promosi sektor pelancongan negeri Melaka sehingga peringkat antarabangsa melalui pelbagai media dan kerjasama dengan semua pemain industri pelancongan yang terlibat untuk menarik kembali pelancong luar negara selepas pasca Covid-19
- Mengkaji semula Tawaran Nilai (*Value Proposition*) industri pelancongan negeri Melaka yang bersesuaian dengan landskap pelancongan pasca Covid-19.
- Memperkukuhkan nilai-nilai *tangible* dan *intangibile* tarikan pelancongan berunsurkan warisan budaya di Tapak Warisan Dunia Melaka dari segi kualiti aset, interpretasi dan pengurusan destinasi sesuai dengan Nilai Keunggulan Sejagat atau *Outstanding Universal Value* (OUV) setempat.
- Mempertingkatkan kualiti produk sekunder dan pengalaman pelancong di lain-lain daerah di Negeri Melaka bagi menyokong produk utama di Melaka Tengah.
- Mempertingkatkan kolaborasi antara *state holder* dan penggiat industri termasuklah dari segi promosi, produk pelancongan dan lain-lain untuk menaikkan kembali bilangan pelancong di Negeri Melaka pasca Covid-19.

d) *Manfaat / Hasil*

Adalah diharapkan agar **Terma Rujukan** ini akan menjadi panduan yang tepat di dalam menyediakan **Pelan Induk Pelancongan Negeri Melaka 2035** dari aspek penterjemahan **dasar-dasar spatial, isu-isu perancangan utama, visi dan teras pembangunan, skop, pendekatan kajian dan pengurusan kajian dan cadangan kewangan** dan seterusnya menjadi dokumen utama semasa peringkat pelantikan perunding kajian kelak.

e) *Gambar / Data Asas / Lain-lain*

Berikut merupakan antara produk pelancongan yang dijadikan sebagai tarikan pengunjung di Melaka :

Produk Pelancongan Sejarah



Produk Pelancongan Budaya



Produk Pelancongan Agro



Produk Pelancongan Agama



Produk Pelancongan Rekreasi



Produk Pelancongan Rekreasi



Produk Pelancongan Membeli Belah



Produk Pelancongan Makan Makan



Produk Pelancongan Rekreasi



Produk Pelancongan Sukan



Produk Pelancongan Konvensyen




Produk Pelancongan Eko



Jenis Produk Pelancongan di Negeri Melaka

**Bilangan Kemasukan
Pelancong**



MELAKA TENGAH : 437

JASIN: 124

ALOR GAJAH : 109

HANG TUAH JAYA : 104

**JUMLAH
KESELURUHAN**

774

PRODUK

Bilangan Pelancong dari tahun 2014 - 2020 dan Jumlah Produk Pelancongan

5.2 GARIS PANDUAN PERANCANGAN RUMAH PENYEMBAHAN SELAIN ISLAM NEGERI MELAKA (RPSI)

a) *Pengenalan*

Garis panduan perancangan ini disediakan untuk membantu Pihak Berkuasa Negeri (khususnya Jawatankuasa Rumah Penyembahan Selain Islam Negeri Melaka), Pihak Berkuasa Tempatan, agensi - agensi teknikal, pemaju dan persatuan penganut agama yang berkaitan dalam merancang, membina, mengawal dan memantau pembangunan Rumah Penyembahan Selain Islam Negeri Melaka serta kemudahan lain yang berkaitan bagi permohonan baharu sahaja.

Selain daripada itu juga, satu manual atau kaedah berkaitan program pemutihan bagi Rumah Penyembahan Selain Islam untuk bangunan sedia ada perlu disediakan bagi memastikan bangunan - bangunan ini mempunyai kelulusan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

b) *Tujuan / Matlamat*

Garis panduan perancangan ini merupakan salah satu alat perancangan yang disediakan bagi membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi - agensi berkaitan, pemaju dan persatuan - persatuan agama yang berkaitan dalam merancang, membina, mengawal dan memantau pembangunan baharu.



c) *Objektif*

Objektif penyediaan pembangunan Rumah Penyembahan Selain Islam Negeri Melaka hendaklah berdasarkan prinsip-prinsip berikut :

- **Memenuhi Keperluan Spiritual Komuniti Setempat**

la perlu dibangunkan secara terancang berdasarkan keperluan sebenar dan berdekatan dengan penganut sesuatu agama. Penekanan kepada aspek - aspek ini adalah penting bagi memudahkan penganut menjalankan aktiviti - aktiviti keagamaan dengan selesa yang seterusnya dapat meningkatkan amalan spiritual komuniti setempat.

- **Menggalakkan Pengajian dan Pengetahuan Keagamaan**

la perlu berperanan sebagai institusi pengajian atau pusat keilmuan keagamaan bagi meningkatkan kesedaran, keinsafan dan kefahaman ilmu keagamaan yang seterusnya dapat melahirkan insan yang bermoral, beretika dan penyayang.

- **Menyemai Perpaduan dan Meningkatkan Interaksi Masyarakat**

la perlu berperanan sebagai pusat interaksi bagi menyemai dan meningkatkan semangat perpaduan di kalangan penganut sesama agama dan penganut agama lain.

- **Mengutamakan Keselamatan dan Keharmonian**

la perlu memberi perhatian kepada aspek - aspek keselamatan dan kesesuaian dengan suasana persekitaran dari segi perancangan guna tanah dan kependudukan bagi memupuk keharmonian dan kesejahteraan masyarakat berbilang kaum dan agama.

- **Memelihara Warisan dan Meningkatkan Nilai-Nilai Estetika**

Tokong, kuil, gereja, gurdwara dan lain - lain tempat keagamaan yang mempunyai nilai - nilai senibina dan kepentingan sejarah perlu dipelihara dan dipulihara sebagai suatu entiti warisan. la juga perlu meningkatkan nilai - nilai estetika melalui ciri - ciri senibina, kesenian dan landskap yang menarik.



TOKONG



KUIL



GEREJA



GURDWARA

d) Manfaat / Hasil

Hasil daripada penyediaan garis panduan ini, ia secara tidak langsung dapat membantu pihak-pihak berkuasa yang terlibat terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan bagi memantau sebarang aktiviti atau pembangunan baru bagi Rumah Penyembahan Selain Islam di negeri Melaka. Selain itu, ia memberi perhatian kepada aspek-aspek keselamatan dan kesesuaian dengan suasana persekitaran dari segi perancangan guna tanah dan kependudukan bagi memupuk keharmonian dan kesejahteraan masyarakat berbilang kaum dan agama.

e) Gambar / Data Asas / Lain-lain

“Tokong”



ertinya semua tempat keagamaan mengikut aliran untuk agama Buddha dan Tao yang meliputi Tokong dan Vihara Buddha serta Wat Siam untuk aliran Theravada, Mahayana dan Vajrayana, dan tokong Toaist untuk berbilang dewa – dewi.

“Kuil”



ertinya semua tempat keagamaan mengikut aliran untuk agama Hindu yang meliputi Kuil, Kovil dan Mandir Hindu untuk berbilang dewa-dewi seperti Mariamman, Subramaniam, Vishnu, Siva, Genesa, Murugan dan lain-lain.

“Gereja”



ertinya semua tempat keagamaan mengikut aliran untuk agama Kristian yang meliputi Gereja Katolik Roma, Gereja Protestan (aliran Anglikanisme, Reformasi, Luteran, Methodis, Injili dan Pentekostalisme) dan Gereja Charismatic.

“Gurdwara”




ertinya semua tempat keagamaan mengikut aliran untuk agama Sikh.

“Lain-lain tempat keagamaan”



ertinya lain - lain tempat keagamaan bagi agama, anutan dan kepercayaan selain Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

* Definisi - definisi di atas adalah tidak menafikan apa - apa istilah dan cara sebutan lain mengikut bahasa dan agama masing - masing.



40% - 60% bagi lot yang diliputi bangunan



Contoh Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU)

5.3 PENERBITAN MONOGRAF JABATAN (EDISI 2020)

a) *Pengenalan*

Monograf pada tahun lepas (Edisi 2020) menceritakan tentang **input** atau **produk jabatan** yang telah berjaya atau sedang diterbitkan oleh PLANMalaysia@Melaka pada tahun 2020 hasil kerjasama jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensi teknikal yang lain.

b) *Tujuan*

Penerbitan Monograf ini dilihat sebagai salah satu penghasilan bahan ilmiah yang dilihat dapat membantu dalam meneruskan agenda Kerajaan Negeri bagi membina dan mengurus Negeri Melaka dengan baik serta memenuhi harapan dan kehendak rakyat.

Penghasilan monograf ini dapat digunakan dan dimanfaatkan kepada umum dan dijadikan asas kepada pembangunan yang lebih berdaya saing khususnya di Negeri Melaka.

Penerbitan Monograf ini juga dapat membuka minda masyarakat khususnya di dalam bidang Perancangan Bandar di samping memacu pembangunan Negeri Melaka.

c) *Objektif*

- i. Memastikan setiap info atau input yang dihasilkan oleh jabatan dapat diketahui oleh umum.
- ii. Memastikan setiap garis panduan yang terkini dapat dihebahkan kepada semua jabatan kerajaan dan agensi teknikal yang terlibat.
- iii. Memastikan produk yang diterbitkan dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

d) *Manfaat*

Penerbitan monograf dapat memberi pendedahan dan pengetahuan kepada jabatan-jabatan kerajaan serta agensi-agensi swasta yang lain berkenaan input-input yang telah dihasilkan oleh PLANMalaysia@Melaka seperti garis panduan, tatacara, proses dan sebagainya. Info-info ini amat berguna di dalam memacu sesuatu perancangan atau pembangunan khususnya di Negeri Melaka.

e) *Gambar*





MONOGRAF

PLANMalaysia@Melaka 2020



Secara kesimpulannya, Negeri Melaka telah mempraktikkan kesemua amalan yang digariskan di dalam 17 indikator SDGs ke arah pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu di Negeri Melaka. Ini terbukti melalui pelaksanaan program-program atau aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan Sustainable Development Goals (SDGs) yang mana telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi swasta dan jabatan-jabatan kerajaan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka.

Justeru itu, pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu di Negeri Melaka turut menyumbang ke arah merealisasikan objektif Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) iaitu Pembangunan Untuk Semua (menstruktur ekonomi); Menangani Jurang Kekayaan dan Pendapatan (menangani ketidaksamaan); dan Negara Bersatu, Makmur dan Bermaruah (membina negara). Kerjasama dan pencapaian yang ditunjukkan oleh pelbagai pihak secara tidak langsung dapat menjayakan Agenda Perbandaran Baharu (New Urban Agenda) di Negeri Melaka.



MASJID TANAH

Kepa Bendat Masjid Tanah

Di hadapan kita berdiri Masjid Tanah yang amat indah melihat daripada di atas langit Tanah ini akan lebih kelihatan kerana bangunan yang mempunyai kead bangunan yang sangat menarik. Bangunan ini merupakan persembahan daripada perancangannya dengan menggunakan perkhidmatan perancangannya yang amat menarik.

Sejarah bangunan ini sangat menarik kerana ia adalah salah satu daripada bangunan yang sangat menarik. Ia adalah salah satu daripada bangunan yang sangat menarik. Ia adalah salah satu daripada bangunan yang sangat menarik.

Anjung Kota

Apabila kita akan ke Tanah Melayu, kita akan melihat banyak bangunan yang sangat menarik. Ia adalah salah satu daripada bangunan yang sangat menarik. Ia adalah salah satu daripada bangunan yang sangat menarik.

33

CONTOH HASIL KAJIAN SEMPADAN KAMPUNG TERDAHULU (2018)

PERSEMPADAN KAMPUNG NEGERI MELAKA

Dun Sungai Udang

47

Garis Panduan & Piawain Perancangan

GPP Negeri Melaka Edisi 1 → GPP Negeri Melaka Edisi 2

JUALAN

GARIS PANDUAN & PIAWAIAN PERANCANGAN NEGERI MELAKA : EDISI 2

JENIS PRODUK

- BUKU RM 150.00
- CD RM 50.00

Kini boleh didapati di Kaunter PLAN Malaysia Melaka di Aras 5, Wisma Negeri, 75450 Ayer Keroh, Melaka.

- GPP 1: Garis Panduan Perumahan
- GPP 2: Garis Panduan Perniagaan
- GPP 3: Garis Panduan Perindustrian
- GPP 4: Garis Panduan Kemudahan Masyarakat
- GPP 5: Garis Panduan Infrastruktur dan Utiliti

39

0.8% 71.2% 4.2% 2.8% 21.00%

Pantai Pertanian Hutan Badan Air

GUNATANAH

- Perumahan
- Komersial
- Industri
- Institusi dan Kemudahan Masyarakat
- Pengangkutan
- Infrastruktur dan Utiliti

53

- Data gunatanah yang telah dikemaskini dan dimuatnaik ke dalam sistem MeGIS dan sedia dipaparkan dan diakses oleh pelbagai lapisan pengguna pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.
- Data gunatanah semasa, komited dan zoning yang terdapat dalam sistem MeGIS adalah dalam bentuk 'ready GIS'.

PENGEMASKINAN BERTERUSAN Sepanjang Masa

- Kelulusan Kebenaran Merancang (Cr) dan pembangunan komited Certificate of Compliance (CCC) bagi pembangunan selcada yang diperolehi daripada Pihak Berkuasa Tempatan.
- Data-data lain seperti data utiliti, kawasan lapang warta dan sempadan DUN.

KEKINIAN

2 kali setahun

Mesyuarat dan bengkel pengemaskinian dan verifikasi data secara berintegrasi :

- Bahagian Maklumat Gunatanah Negara (BMGN)
- PLAN Malaysia Pejabat Projek Zon Selatan (PPZS)
- Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- Agensi-agensi dalaman yang lain

KUALITI

Kadar ketepatan data yang disediakan adalah tinggi berdasarkan kepada kualiti data yang 'bersih'.

57

- Hub Logistik Pejabat
- Lifestyle
- Perumahan/ Pengisian
- Komersial
- Zon Bebas Antarabangsa (Encore Melaka)
- Komersial
- Perhotelan
- Marina
- Zon Bebas Antarabangsa (Melaka Gateway)
- Pembangunan Bercampur Industrial Revolution 4.0
- Zon Bebas Antarabangsa

61

5.4 BULETIN TAHUNAN JABATAN (TAHUN 2020)

a) *Pengenalan*

Buletin merupakan bahan bercetak atau majalah yang berisi berita atau pernyataan rasmi yang diterbitkan oleh sesuatu jabatan atau pertubuhan.

Inisiatif penerbitan Buletin Tahunan Jabatan merupakan sebuah wadah untuk berkongsi pelbagai inisiatif dan program yang telah dilaksanakan oleh PLANMalaysia@Melaka seiring dengan gagasan transformasi perkhidmatan awam yang sedang giat dilakukan. Buletin ini diterbitkan sekali setiap tahun.

b) *Tujuan*

Penghasilan Buletin Jabatan ini bertujuan untuk berkongsi maklumat kepada umum tentang aktiviti atau program tahunan yang telah dijalankan oleh PLANMalaysia@Melaka. Ia juga merupakan satu medium perkongsian dan penyebaran maklumat tentang aktiviti dan projek-projek penting yang dilaksanakan oleh jabatan.

Selain itu, buletin ini memaparkan kepelbagaian usaha-usaha dan program yang telah dijalankan di PLANMalaysia@Melaka. Program-program ini menjurus ke arah usaha penambahbaikan secara berterusan untuk meningkatkan mutu pencapaian jabatan dan juga warganya.

c) *Objektif*


Objektif penerbitan Buletin ini adalah untuk memastikan pelaksanaan tugas yang diamanahkan sentiasa mencapai tahap yang cemerlang selaras dengan Dasar Kualiti PLANMalaysia@Melaka bagi meningkatkan mutu pencapaian jabatan.

d) *Manfaat*

Buletin yang dihasilkan akan diedarkan kepada setiap Agensi Kerajaan di Negeri Melaka dan juga kepada semua PLANMalaysia Negeri bagi tujuan hebahan.

Ia dapat memberi perkongsian mengenai segala komitmen dan pencapaian jabatan.

e) **Gambar**



Dasar Kualiti, Visi dan Misi Jabatan

DASAR KUALITI

PLANMalaysia@Melaka komited untuk memberi perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa yang memenuhi keperluan pelanggan serta meningkatkan secara berterusan kualiti perkhidmatan melalui pencapaian dan penambahan objektif kualiti. Pengurusan atasan PLANMalaysia@Melaka perlulah memastikan Dasar Kualiti sentiasa:

- Beresesuaian dengan hala tuju Pengurusan PLANMalaysia@Melaka.
- Difahami oleh warga kerja PLANMalaysia@Melaka.
- Dibincangkan dan dikaji semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semula Pengurusan (dekuang-kurangnya sekali setahun) untuk memastikan keupayaan pelanggan tercapai secara berterusan.
- Melaksanakan penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan kualiti secara berterusan sejajar dengan keperluan semasa Sistem Pengurusan Kualiti PLANMalaysia@Melaka.

VISI

“Menjadi Peneraju Perancang Bandar dan Desa ke Arah Mewujudkan Persekitaran Kehidupan yang Berkualiti, Sejahtera dan Mampu Menjelang 2035”

MISI

“Memacu Perancangan Fizikal Negeri Melalui Pelaksanaan dan Pemantauan Perancangan Pembangunan yang Komprehensif, Sistematik dan Inovatif”

Bengkel Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) SITI di PLANMalaysia@Melaka

Bengkel Penyediaan Laporan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) SITI diadakan di PLANMalaysia@Melaka selama 2 hari iaitu dari 2 Julai hingga 3 Julai 2020.

Bengkel OACP SITI di PLANMalaysia@Johor

Bengkel SITI (pula diadakan di PLANMalaysia@Johor) selama 2 hari iaitu dari 13 Julai hingga 14 Julai 2020. Bengkel ini merupakan perbincangan akhir bagi penyediaan Laporan OACP Jabatan untuk PLANMalaysia@Melaka dan PLANMalaysia@Johor.

Mesyuarat MPFN ke-34 (Bil. 1/2020) berlangsung secara sidang video pada 11 Jun 2020 yang dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Datu Hj. Mukhlis bin Hj. Mohd. Yassin, Pengerusi Menteri Malaysia.

Mesyuarat MPFN ke-36 (Bil. 3/2020) berlangsung secara sidang video pada 27 Oktober 2020 yang dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Datu Hj. Mukhlis bin Hj. Mohd. Yassin, Pengerusi Menteri Malaysia. Turut serta dalam mesyuarat ini ialah YAB Ketua Mesyuarat Melaka dan Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka.

Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN)



Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Melaka

- JPN (Khas) : 14 Mei 2020
- JPN Bil. 1/2020 : 29 Jun 2020
- JPN Bil. 2/2020 : 12 Oktober 2020
- JPN Bil. 3/2020 : 7 Disember 2020

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Jawatankuasa Perancang Negeri (JTJPN)



JTJPN (Khas)

- JTJPN Bil. 1/2020 : 5 Mei 2020
- JTJPN Bil. 2/2020 : 16 Jun 2020
- JTJPN Bil. 3/2020 : 28 Julai 2020
- JTJPN Bil. 4/2020 : 16 November 2020

12

Bengkel Zon Ekonomi Peralihan Pantai Melaka (M-WEZ)



Tahap 1 dan Bengkel Zon Ekonomi Peralihan Pantai Melaka (M-WEZ) diadakan pada 6 hingga 7 Ogos 2020 di Hotel Cremde, Johor Bahru bagi mendapatkan input dan maklum balas daripada jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan.



M-WEZ merupakan satu cadangan untuk membahagikan kawasan tambakan laut seluas 10,000 ekar di sepanjang zonal peralihan pantai Negeri Melaka. Kawasan ini akan dijadikan satu zon pembangunan ekonomi khas berasaskan pelancongan.

13

MELAKA 2035



Program Sebaran Maklumat Perancangan 2020 yang diadakan pada 3 Mac 2020 bertempat di Auditorium Seri Negeri, Melaka.



Antara tajuk yang dibentangkan ialah seperti Lembaga Rayuan Negeri Melaka, 'Overview' Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 197), Kaedah Kaedah Pengamalan Perancangan (Km) Negeri Melaka (KPPA), Panduan Caris Panduan dan Papan Perancangan Negeri Melaka Edisi 2, dan Taklimat Pelaksanaan Kaedah-kaedah Caj Pemajuan Negeri Melaka 2020.



15

Pelancaran Program PUBLISID dan Penyertaan Awam Draft RKK Tanjung Bidara - Pengkalan Balak



Gemilang Pelancaran bagi Program PUBLISID dan Penyertaan Awam Draft Rancangan Kawasan Khas Tanjung Bidara - Pengkalan Balak (RKKTBPS) telah diadakan di Bilik Mesyuarat Tim Muakaf yang diorganisasikan oleh Ketua Menteri Melaka pada 19 Jun 2020.



Gemilang Pelancaran ini diadakan sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Melaka Bil. 1/2020 berlangsung.

17

Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK)



Bengkel Penyediaan Sempadan JPKK di Daerah Jasin telah diadakan pada 27 Ogos 2020 menandakan bengkel di Daerah Melaka Tengah telah diadakan pada 5 September 2020. Di dalam bengkel ini juga membincangkan penandaan papan tanda yang meliputi nama jalan dan nombor rujukan rumah bagi sempadan JPKK Negeri Melaka.



24

Penerima Anugerah

PERINGKAT NEGERI MELAKA



Senarai Penerima Anugerah Pekerja Cemerlang (APC):

- En. Mohamad bin Abu Talib
- En. Mohd Anwar bin Ismail
- Pn. Syafiqah binti Mohamad Yasin
- Pn. Analisa binti Adam
- Pn. Nur Shanna binti Hamdan
- Pn. Nur Fatimah binti Ibrahim

Majlis Anugerah Perkhidmatan Awam Negeri (MKAHAN) 2020



Ketabik, tahnik disampaikan kepada En. Mohd Fadzil bin Mohamed atas pengurusan projek pembangunan kawasan TEBERUKI (6.1/7/20) istiadat pengungrahan tanah, bina dan pengiraan semasa pada 27.11.2019 yang di Pertua Negeri Melaka Ke-74, Tuan Pengarah Tanah Seri Setia (DPT), M. Mohd Ali bin Mohd Hassan pada 10 Oktober 2020 di Dewan Seri Bendahara, Jaya Kerah.

ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG BULANAN



Pn. Emma Fawana binti Hosen (Disember 2019)
Pn. Nur Hafiza binti Baharom (Mac 2020)
Pn. Fadiah binti Abu Bakar (Julai 2020)

37

5.5 GARIS PANDUAN PENYEDIAAN LALUAN BASIKAL DAN PEJALAN KAKI NEGERI MELAKA

a) Pengenalan

Ketika ini tiada Garis Panduan khusus untuk lorong basikal, walau bagaimanapun garis panduan pejalan kaki boleh digunapakai kerana ia telah mengambilkira beberapa aspek antaranya ialah :

- i. Aspek **keselamatan penunggang basikal**
- ii. Aspek keperluan **kelebaran laluan**
- iii. Aspek **aksesibiliti dan kemudahsampaian**

b) Tujuan / Matlamat

Tujuan utama penyediaan laluan basikal adalah untuk **mewujudkan satu laluan yang selamat**. Ini juga memandangkan kelajuan basikal pada amnya adalah jauh lebih rendah daripada kenderaan bermotor. Basikal juga adalah lebih ringan berbanding kenderaan lain dan penunggang basikal lebih terbuka atau terdedah kepada kecederaan sekiranya berlaku kemalangan.

c) Objektif

Memenuhi prinsip-prinsip **Walkability dan Connectivity** :-


- i. Memberikan kemudahan kepada penunggang basikal dan pejalan kaki untuk menggunakan laluan tersebut dengan satu rangkaian laluan yang lebih berkesan dari sudut keselamatan dan keselesaan dengan konsep **“Bandar Selamat”**.
- ii. Menggalakkan orang ramai menggunakan **basikal sebagai alternatif** bagi menggantikan penggunaan kenderaan bermotor dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti alam sekitar.
- iii. Menggalakkan aktiviti riadah kepada orang ramai justeru dapat **meningkatkan kualiti kehidupan** yang lebih sihat.

d) Manfaat / Hasil

Pelan Induk dan Garis Panduan ini dapat membantu menyelaraskan perancangan dan penyediaan laluan basikal dan pejalan kaki bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Melaka.




Garis Panduan Penyediaan Laluan Basikal & Pejalan Kaki Negeri Melaka masih dalam proses penyediaan




Laluan Pejalan Kaki Sedia Ada di Sungai Melaka

e) *Gambar / Data Asas / Lain-lain*


Keratan Rentas Laluan Basikal & Pejalan Kaki Mengikut Ukuran Jalan



Keratan Rentas Jalan 30 Meter (100 Kaki) Mengikut Arahan Teknik Jalan (JKR)




Keratan Rentas Jalan 20 Meter (66 Kaki) Mengikut Arahan Teknik Jalan (JKR)



Keratan Rentas Jalan 12 Meter (40 Kaki)



Laluan Basikal Kaki Sedia Ada di Sg. Melaka



Laluan Basikal Kaki di Bandar Hilir

5.6 BUKU PANDUAN TATACARA PEMROSESAN PERMOHONAN SECARA RUNDINGAN DI BAWAH SEKSYEN 20A, AKTA 172

a) *Pengenalan*

Buku Panduan ini disediakan bagi menjelaskan proses dan tatacara pelaksanaan Mesyuarat Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A (R20A) bagi projek-projek kerajaan yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air serta lain-lain jabatan dan agensi yang berkaitan di peringkat negeri atau persekutuan di Negeri Melaka.

Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) menghendaki setiap jabatan atau agensi kerajaan berunding dengan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) berkenaan aktiviti pemajuan yang hendak dijalankan. Ini adalah bagi membolehkan Pihak Berkuasa Negeri mengambil maklum berkenaan dengan projek pembangunan yang hendak dilaksanakan dan mengelakkan kemungkinan pemajuan berkenaan terkeluar daripada perancangan dan seterusnya menyulitkan kerja-kerja penyelarasan pembangunan fizikal di kawasan tersebut.

Kandungan buku panduan ini merangkumi aspek-aspek fungsi, peranan dan keahlian Mesyuarat R20A dan tatacara pemprosesan permohonan secara rundingan.

b) *Tujuan / Matlamat*

Membolehkan Pihak Berkuasa Negeri mengambil maklum dan menyelaraskan perkara dasar, peruntukan akta, syarat-syarat teknikal berkenaan projek-projek kerajaan yang hendak dilaksanakan. Proses rundingan ini untuk memastikan pembangunan tersebut adalah selaras dengan perancangan keseluruhan dan memudahkan kerja-kerja penyelarasan fizikal.

Bagi cadangan projek-projek pembangunan infrastruktur utama, perkara yang dirunding meliputi :

- i. Jajaran laluan atau lokasi kemudahan yang mengambilkira faktor zoning, gunatanah, koridor pembangunan, penjaanaan ekonomi, kemudahsampaian, kesan kepada alam sekitar, sosial dan pemilikan tanah.
- ii. Pematuhan kepada dasar, peruntukan akta, garis panduan, peraturan dan syarat-syarat teknikal yang perlu dipatuhi semasa perancangan dan pelaksanaan projek.

c) *Objektif*

- i. Sebagai penasihat kepada permohonan secara rundingan bagi projek-projek kerajaan yang di rancang dan dilaksanakan Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air serta lain-lain jabatan dan agensi yang berkaitan di peringkat negeri atau persekutuan di Negeri Melaka.
- ii. Menilai jajaran dan lokasi projek selaras dengan dasar, strategi, peruntukan akta, halatuju, rancangan struktur, rancangan tempatan, garis panduan dan syarat-syarat teknikal agensi serta jabatan di peringkat Negeri Melaka.
- iii. Menyelaras bersama agensi-agensi teknikal peringkat Negeri Melaka berkenaan cadangan-cadangan projek pembangunan infrastruktur seperti lebuhraya, Talian Voltan Tinggi, tembatan banjir, sistem pembetulan dan lain-lain yang melibatkan implikasi kepada penduduk dan alam sekitar.
- iv. Memaklumkan dan mendapatkan persetujuan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Melaka

d) *Manfaat / Hasil*


Pelaksanaan Buku Panduan merupakan satu mekanisme yang diwujudkan bagi memaklumkan proses permohonan kebenaran merancang secara rundingan selaras dengan penambahbaikan ke atas sistem penyampaian kerajaan di peringkat negeri.




Buku Panduan Tatacara Pemprosesan Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A masih lagi di dalam proses penyediaan

e) *Gambar / Data Asas / Lain-lain*

Berikut merupakan carta alir bagi proses permohonan mengikut peringkat :



Peringkat Proses Permohonan



5.7 BUKU PANDUAN TATACARA PEMROSESAN PERMOHONAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 5(2), AKTA 172, NEGERI MELAKA

a) Pengenalan

Buku Panduan ini disediakan bagi menjelaskan proses dan tatacara dalam memproses permohonan di bawah Subseksyen 5(2) bagi kawasan tambak laut di sepanjang Negeri Melaka yang tidak diwartakan di bawah mana-mana Rancangan Tempatan dan kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mana Pengarah Negeri hendaklah menjadi pihak berkuasa perancang tempatan.

Ketetapan ini adalah selaras dengan keputusan dan arahan Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 2/2015 pada 16 Jun 2015 iaitu kuasa bagi menjalankan pemajuan di luar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (Pengarah Perancang Bandar Negeri sebagai PBPT dan memproses permohonan melalui Jawatankuasa Perancang Negeri) mengikut peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Kanun Tanah Negara [Akta 56] dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133].

Kandungan buku panduan ini merangkumi aspek-aspek fungsi, peranan dan keahlian setiap peringkat proses permohonan serta tatacara memproses permohonan ini.

b) Tujuan / Matlamat

Matlamat Mesyuarat Kelulusan Kebenaran Merancang Di Bawah Subseksyen 5(2) :

- i. Melaksanakan tanggungjawab memproses permohonan projek yang berada di luar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan Pengarah PLANMalaysia@Melaka (JPBD Melaka) sebagai Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT).
- ii. Mengelakkan daripada timbul pertikaian antara dua pihak pelulus (PLANMalaysia@Melaka dan PBT) di dalam memproses sesuatu cadangan pembangunan yang akan melibatkan pelbagai peringkat permohonan sehingga kepada CCC kelak jika tiada jawatankuasa yang memperakukan keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kelulusan Kebenaran Merancang.

- iii. Perakuan yang dibuat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) diterima sebagai satu arahan Kerajaan Negeri kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan untuk melaksanakan penguatkuasaan ke atas kelulusan Kebenaran merancang sekiranya terdapat pelanggaran syarat dan seterusnya mempertimbangkan lain-lain permohonan bersangkutan dengan sesuatu cadangan tersebut berdasarkan peruntukan yang terkandung di dalam Akta 171 dan Akta 133 serta Undang-undang Kecil PBT berkenaan.

c) *Objektif*

Antara objektif bagi Mesyuarat Kelulusan Kebenaran Merancang Di Bawah Subseksyen 5(2) adalah :


- i. Melaksanakan tanggungjawab memproses permohonan Kebenaran Merancang yang berada di luar kawasan PBT.
- ii. Menimbang dan membuat keputusan terhadap sesuatu permohonan Kebenaran Merancang bagi tambak laut dan tebus guna bagi kawasan yang terletak di luar kawasan PBT.
- iii. Mendapatkan khidmat serta bantuan teknikal dari mana-mana agensi di peringkat negeri mahupun tempatan bagi maksud membantu menimbang sesuatu permohonan.
- iv. Pemakluman keputusan yang telah dibuat kepada PBT yang bersebelahan dan semua agensi teknikal yang berkaitan bagi tujuan penyelarasan pembangunan selaras dengan Akta 172, Subseksyen 4(5) dan Subseksyen 6(1)(c).

d) *Manfaat / Hasil*

Pelaksanaan buku panduan ini merangkumi aspek-aspek fungsi, peranan dan keahlian setiap peringkat proses permohonan serta tatacara memproses permohonan ini. Adalah diharapkan dengan penyediaan buku panduan ini, pihak-pihak yang terlibat dapat memahami dengan lebih jelas berhubung dengan proses dan keperluan semasa mengemukakan permohonan.

e) *Gambar / Data Asas / Lain-lain*

Berikut merupakan Proses Permohonan Kebenaran Merancang di Bawah Subseksyen 5(2) :



Proses Permohonan Kebenaran Merancang di Bawah Subseksyen 5(2)

Draf

BUKU PANDUAN

TATACARA PEMROSESAN PERMOHONAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 5(2) NEGERI MELAKA


AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 [AKTA 172]



PLANMalaysia@Melaka
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka)

Buku Panduan Tatacara Pemprosesan Permohonan Di Bawah Subseksyen 5(2), Akta 172, Negeri Melaka masih lagi dalam proses penyediaan.

Berikut merupakan carta alir bagi Permohonan Kebenaran Merancang di Bawah Subseksyen 5(2) :



Carta Alir Permohonan Kebenaran Merancang di Bawah Subseksyen 5(2)

5.8 GARIS PANDUAN PERANCANGAN KAWASAN LAPANG DAN REKREASI NEGERI MELAKA

a) *Pengenalan*

Garis Panduan Perancangan (GPP) Kawasan Lapang dan Rekreasi Negeri Melaka ini adalah penambahbaikan terhadap syarat dan proses kelulusan Kebenaran Merancang di semua PBT di Negeri Melaka.

GPP ini telah dibentangkan dan diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Melaka Bil. 3/2020 bertarikh 21 Disember 2020. GPP ini menggantikan Garis Panduan Penyediaan Kawasan Lapang dan Kemudahan Sosial Negeri Melaka 2012 dan Pindaan Garis Panduan Penyediaan Kawasan Lapang Negeri Melaka 2016.

Proses semakan semula garis panduan ini telah bermula pada tahun 2019 dan PLANMalaysia@Melaka telah berganding bahu bersama-sama empat (4) Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan-jabatan teknikal berkaitan termasuk Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri.

b) *Tujuan / Matlamat*

Garis Panduan Perancangan (GPP) ini disediakan bagi membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Melaka dan pemaju di dalam merancang, mengawal dan mereka bentuk penyediaan kawasan lapang dan rekreasi.



c) *Objektif*

- i. Melaksanakan Amalan Perancangan Terbaik (*Best Planning Practices*) dalam perancangan dan pembangunan di Negeri Melaka.
- ii. Menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan bagi memudahcara urusan antara pihak kerajaan dan rakyat dalam memproses permohonan dan juga memberikan khidmat nasihat perancangan.
- iii. Meningkatkan dan menjamin kelancaran dan ketelusan keseluruhan proses membuat keputusan (*decision making*) dalam perancangan dan pembangunan di Negeri Melaka.
- iv. Mengatasi isu berkaitan pelaksanaan penyediaan kawasan lapang di Negeri Melaka ketika ini yang perlu diberi perhatian dan ditangani segera.

d) *Manfaat / Hasil*

- i. Memandu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pemaju dalam merancang, mengawal dan memantau penyediaan dan pembangunan kawasan lapang dan rekreasi secara lebih berkesan dan mampan.
- ii. Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan dan menjamin kelancaran serta ketelusan keseluruhan proses membuat keputusan dalam bidang perancangan bandar dan desa di Negeri Melaka.

e) *Gambar / Data Asas / Lain-lain*

Pembangunan Perumahan Bertanah / Strata Bertanah

Keluasan	Peratusan Penyediaan
< 2.00 ekar	5% kawasan lapang secara mutlak dan berfungsi.
2.01 ekar – 4.99 ekar	7% kawasan lapang secara mutlak dan berfungsi.
> 5.00 ekar	10% daripada keluasan tapak pembangunan bagi tujuan kawasan lapang : <ul style="list-style-type: none">• 7% adalah kawasan lapang berfungsi.• 3% daripada jumlah keluasan rizab kemudahan masyarakat dan rizab utiliti.

Nota: Kawasan lapang dalam skim strata tidak diambil kira sebagai 10% kawasan lapang awam.

Pembangunan Perumahan Berbilang Tingkat / Strata Bertingkat

Keluasan	Peraturan Penyediaan
-	10% daripada keluasan tapak pembangunan bagi tujuan kawasan lapang : <ul style="list-style-type: none"> • 7% adalah kawasan lapang berfungsi dalam bentuk bertanah. • 3% daripada jumlah keluasan perimeter <i>planting</i>, <i>indoor</i> dan <i>rooftop garden</i>.
Syarat tambahan bagi skim melebihi keluasan 10 ekar yang dikemukakan dalam bentuk pelan induk	10% daripada jumlah kawasan lapang perlu disediakan secara berpusat (<i>centralised open space</i>) di luar plot pembangunan.
-	Setiap pembangunan jenis <i>free standing building</i> adalah tertakluk kepada penyediaan perimeter <i>planting</i> : Pembangunan kurang daripada 1.99 ekar : <ul style="list-style-type: none"> • 1.5 meter (5') di sekeliling kawasan pembangunan. Pembangunan melebihi 2.00 ekar : <ul style="list-style-type: none"> • 3.0 meter(10') di sekeliling kawasan pembangunan.

Pembangunan Berbentuk *Masterplan / Township*

Keluasan	Peraturan Penyediaan
-	10% daripada keluasan pelan pembangunan induk bagi tujuan kawasan lapang : <ul style="list-style-type: none"> • 5% adalah kawasan lapang yang berperanan sebagai kawasan lapang utama (hierarki bertaraf Taman Tempatan atau Taman Kejiranan dan tertakluk kepada saiz tadahan penduduk). • 5% keluasan kawasan lapang diagihkan mengikut kepadatan penduduk dan keluasan plot-plot pembangunan. • 3% daripada jumlah keluasan rizab kemudahan masyarakat dan rizab utiliti boleh diambilkira dalam penyediaan 5% keluasan kawasan lapang yang diagihkan mengikut kepadatan penduduk dan keluasan plot-plot pembangunan.

Pembangunan Kawasan Komersial

Jenis Pembangunan	Peraturan Penyediaan
Skim Komersial	10% daripada keluasan tapak pembangunan bagi tujuan kawasan lapang : <ul style="list-style-type: none"> • 5% adalah kawasan lapang berfungsi dalam bentuk bertanah. • 5% adalah perimeter planting dan landskap / jaluran hijau termasuk 3% daripada jumlah keluasan rizab kemudahan masyarakat dan rizab utiliti.
Lot Teres termasuk Kedai, Kedai Mampu Milik dan Kedai Pejabat	1.5 meter laluan siar kaki disediakan sepanjang lot teres secara berterusan sehingga lot teres penjuru.
Kompleks Perniagaan, Hypermarket, Superstore, Department Store, Pasaraya, Pangsapuri Perkhidmatan dan Hotel	10% daripada keluasan tapak pembangunan bagi tujuan kawasan lapang : <ul style="list-style-type: none"> • 7% adalah kawasan lapang berfungsi dalam bentuk bertanah. • 3% daripada jumlah keluasan perimeter <i>planting</i>, <i>indoor</i> dan <i>rooftop garden</i>. Setiap pembangunan jenis <i>free standing building</i> adalah tertakluk kepada penyediaan perimeter <i>planting</i> : Pembangunan kurang daripada 1.99 ekar : <ul style="list-style-type: none"> • 1.5 meter (5') di sekeliling kawasan pembangunan. Pembangunan melebihi 2.00 ekar : 3.0 meter(10') di sekeliling kawasan pembangunan.
Stesen Minyak, Restoran Makanan Segera, Restoran, Pusat Pameran Kereta dan lain-lain	Setiap pembangunan jenis <i>free standing building</i> adalah tertakluk kepada penyediaan perimeter <i>planting</i> : Pembangunan kurang daripada 1.99 ekar : <ul style="list-style-type: none"> • 1.5 meter (5') di sekeliling kawasan pembangunan. Pembangunan melebihi 2.00 ekar : • 3.0 meter(10') di sekeliling kawasan pembangunan.

Pembangunan Kawasan Industri

Jenis Pembangunan	Peraturan Penyediaan
Skim Industri	<p>10% daripada keluasan tapak pembangunan bagi tujuan kawasan lapang :</p> <ul style="list-style-type: none"> • 5% adalah kawasan lapang berfungsi dan berpusat. • 5% adalah perimeter planting dan landskap / jaluran hijau dalam lot industri sesebuah dan berkembar. Ianya perlu ditunjukkan dalam lot berkenaan semasa permohonan pembangunan skim dibuat.
Plot Industri Sesebuah dan Berkembar	<p>Setiap pembangunan plot industri sesebuah dan berkembar adalah tertakluk kepada penyediaan perimeter <i>planting</i> :</p> <p>Pembangunan kurang daripada 1.99 ekar :</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1.5 meter (5') di sekeliling kawasan pembangunan. <p>Pembangunan melebihi 2.00 ekar:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 3.0 meter(10') di sekeliling kawasan pembangunan.

Keperluan Penyediaan Kawasan Lapang Bagi Permohonan Pecah Sempadan (6 Plot dan Ke Atas)

Keluasan	Peraturan Penyediaan
< 2.00 ekar	5% kawasan lapang secara mutlak dan berfungsi
> 2.01 ekar	7% kawasan lapang secara mutlak dan berfungsi

5.9 GARIS PANDUAN PERANCANGAN KOMUNIKASI (STRUKTUR PEMANCAR) SEBAGAI UTILITI KETIGA NEGERI MELAKA

a) Pengenalan

Garis Panduan Perancangan (GPP) Komunikasi (Struktur Pemancar) Sebagai Utiliti Ketiga Negeri Melaka ini telah dibentang dan diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Melaka Bil. 1/2021 bertarikh 29 Mac 2021 dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka Bil. 26/2021 bertarikh 18 Ogos 2021.

GPP ini merupakan penambahbaikan daripada Garis Panduan Pembangunan Infrastruktur Komunikasi yang terdiri daripada Menara Komunikasi dan Rangkaian Gentian Optik Bagi Negeri Melaka (MMKN Bil.29/2014), Permohonan Menyediakan Rizab Tanah Untuk Pembinaan Struktur Menara Komunikasi di Kawasan Projek Perumahan dan Kawasan Perindustrian Baru di Negeri Melaka (JPN Bil.3/2016) dan Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Komunikasi (GPP-1) (MPFN BIL 3/2020).

GPP ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 3 Tahun 2021 : Prosedur Permohonan Pemajuan Menara atau Struktur Komunikasi.



b) Tujuan / Matlamat

Garis Panduan Perancangan (GPP) ini disediakan bagi membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Melaka dan pemaju di dalam merancang, mengawal dan mereka bentuk penyediaan struktur pemancar telekomunikasi.

Selain itu, ia juga bertujuan mengiktiraf terma pemasangan infrastruktur komunikasi sebagai utiliti ke 3 dalam mana-mana kawasan pembangunan setara dengan keperluan infrastruktur elektrik, kemudahan air, pembentungan dan lain-lain lagi.

c) Objektif

- i. Melaksanakan Amalan Perancangan Terbaik (*Best Planning Practices*) dalam perancangan dan pembangunan di Negeri Melaka.
- ii. Menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan bagi memudahcara urusan antara pihak kerajaan dan rakyat dalam memproses permohonan dan juga memberikan khidmat nasihat perancangan.
- iii. Meningkatkan dan menjamin kelancaran dan ketelusan keseluruhan proses membuat keputusan (*decision making*) dalam perancangan dan pembangunan di Negeri Melaka.
- iv. Mengatasi isu berkaitan keperluan penyediaan rizab tanah untuk pembinaan struktur pemancar telekomunikasi di Negeri Melaka ketika ini yang perlu diberi perhatian dan ditangani segera.

d) Manfaat / Hasil

- i. Memandu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pemaju dalam merancang, mengawal dan memantau penyediaan dan pembangunan kawasan lapang dan rekreasi secara lebih berkesan dan mampan.
- ii. Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan dan menjamin kelancaran serta ketelusan keseluruhan proses membuat keputusan dalam bidang perancangan bandar dan desa di Negeri Melaka.

GARIS PANDUAN KHUSUS

Keperluan-keperluan rizab ruang khusus atau kawasan untuk kemudahan struktur pemancar telekomunikasi bergantung kepada jenis-jenis radas komunikasi seperti berikut :

Struktur Pemancar Telekomunikasi

ASPEK PERANCANGAN	SYARAT	
Saiz Pembangunan Keperluan Penyediaan Rizab Struktur Pemancar Telekomunikasi	a) <u>Pembangunan atas tanah (<i>landed</i>)</u> - Bagi setiap cadangan pembangunan baru berkeluasan 20 ekar ke atas , atau mempunyai 250 unit rumah ke atas . b) <u>Pembangunan bertingkat</u> - Pembangunan yang mempunyai jangkakan penduduk melebihi 1,000 orang ke atas atau 250 unit rumah ke atas .	
Keluasan Tapak Struktur Pemancar Telekomunikasi	Saiz Tapak minimum	Jenis Struktur
	10m x 10m	<i>Lampole, Minaret / Menara Muazin, Billboard, Portable Base Transceiver Station (PBTS), Mast (Straight).</i>
	20m x 20m	<i>Monopole tree, Menara kekisi berkaki tiga, Menara kekisi berkaki empat.</i>
Jarak Antara Struktur Pemancar Telekomunikasi	<ul style="list-style-type: none"> 1 km bagi setiap struktur pemancar telekomunikasi berketinggian melebihi 45m. 	
Jalan Masuk	<ul style="list-style-type: none"> Keperluan menyediakan jalan masuk selebar 20' bagi tapak struktur pemancar telekomunikasi yang bukan bersebelahan rizab jalan. 	
Pemilihan Tapak	a) Keadaan geografi. b) Bergantung kepada ' <i>line of sight</i> '. c) Bergantung kepada liputan sedia ada dan akses kepada gentian optik. d) Tidak dibenarkan bersekali dengan kawasan lapang. e) Tidak dibenarkan dalam kawasan bercerun. f) Boleh dibenarkan bersebelahan dengan tapak TNB.	

ASPEK PERANCANGAN	SYARAT	
<p>Jarak Anjakan Struktur Pemancar Telekomunikasi Dari Sisi Bangunan Terdekat</p>	<p>Bagi ketinggian kurang daripada 45m</p>	<p>Bagi ketinggian lebih daripada 45m</p>
	<ul style="list-style-type: none"> • Kediaman/Institusi – 20m • Perniagaan – 10m • Industri – 5m 	<ul style="list-style-type: none"> • Kediaman/Institusi – 30m • Perniagaan – 15m • Industri – 10m
	<p>Nota :</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Ukuran jarak dalam jadual ini dikira dari tengah struktur pemancar telekomunikasi (punca) ke sisi bangunan terdekat. b) Kedudukan struktur pemancar telekomunikasi dalam tapak dan garisan anjakan perlu ditunjukkan dalam pelan susun atur dan dinyatakan dalam LCP. c) Jarak anjakan hendaklah dikira dalam sempadan kawasan pembangunan pemohon dan tidak melangkaui lot bersempadanan. 	



Perkongsian struktur pemancar telekomunikasi antara penyedia TELCO adalah digalakkan untuk memelihara ciri estetika dan keharmonian di kawasan pembangunan.

Struktur Pemancar Komunikasi Multi-Fungsi

ASPEK PERANCANGAN	SYARAT
Saiz Pembangunan Keperluan Struktur Pemancar Komunikasi Multi-Fungsi	<p>a) Melebihi 200 orang; atau</p> <p>b) 50 unit rumah (dengan pengiraan 4.5 orang bagi satu unit rumah)</p> <p><small>Nota : Jumlah isi rumah Negeri Melaka tertakluk kepada Jabatan Perangkaan Malaysia</small></p>
Jenis Struktur Pemancar Komunikasi Multi-Fungsi	Tiang lampu jalan, tiang papan tanda, mercu tanda, lampu limpah, pengiklanan dan menara jam.
Keluasan Tapak Struktur Pemancar Komunikasi Multi-Fungsi	<p>5m x 5m atau lebih kecil mengikut jenis struktur.</p> <ul style="list-style-type: none"> Lampu jalan : 5m x 5m Papan tanda : 5m x 5m
Tinggi Struktur Pemancar Komunikasi Multi-Fungsi	Berbeza mengikut kesesuaian (15m – 20m)
Jarak Minimum Lokasi Struktur Pemancar Komunikasi Multi-Fungsi dari Sisi Bangunan Terdekat	<ul style="list-style-type: none"> 15m – 5m 18m – 5m 20m – 5m



Contoh : Lampu Jalan



Contoh : Papan Tanda



Ilustrasi Ukuran Jarak Antara Lokasi Struktur Pemancar Komunikasi Multi-fungsi dan Sisi Bangunan Terdekat

5.10 TATACARA PEMROSESAN LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA) PERINGKAT NEGERI MELAKA

a) Pengenalan


Buku Panduan ini disediakan bagi menjelaskan tatacara pemprosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) di peringkat Negeri Melaka selaras dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) (Pindaan) 2017 (Akta A1522). Akta A1522 dan Manual Penilaian Impak Sosial (SIA) bagi projek pembangunan (Edisi Ke-2) di Negeri Melaka telah diwartakan pada 1 April 2021 dan berkuatkuasa pada 1 Julai 2021.

SIA didefinisikan sebagai satu proses menganalisis, memantau dan mengurus impak sosial yang dijangka berlaku atau yang tidak terjangka sama ada impak positif atau negatif, ke atas sesuatu langkah intervensi (dasar, program, pelan dan projek) dan apa-apa proses perubahan sosial yang terhasil daripada langkah intervensi tersebut.

b) Tujuan / Matlamat

Garis Panduan Perancangan (GPP) ini disediakan bagi membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Melaka dan pemaju di dalam merancang dan mengawal pembangunan yang melibatkan keperluan dan kelulusan laporan Penilaian Impak Sosial (SIA).

Impak sosial ketara adalah impak sosial yang dikenal pasti mempunyai kesan nyata, boleh dijangka dan berlaku secara langsung (*direct impact*). Kesan ketara daripada impak sosial yang dijangka berlaku memerlukan strategi mitigasi dan pengurusan impak serta langkah-langkah pelaksanaan yang komprehensif.



Tatacara Pemprosesan Laporan SIA ini masih lagi di dalam proses penyediaan

c) *Objektif*

- i. Melaksanakan Amalan Perancangan Terbaik (*Best Planning Practices*) dalam perancangan dan pembangunan di negeri Melaka.
- ii. Proses membuat keputusan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan berasaskan maklumat dan analisis yang telah dibuat.
- iii. Sebagai kaedah melaksanakan Pembangunan Sosial iaitu meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup rakyat.
- iv. Pandangan serta aspirasi masyarakat dijadikan input yang penting di dalam perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan melalui penyertaan awam yang berkesan.

d) *Manfaat / Hasil*

- i. Kesaksamaan sosial dan ekuiti.
- ii. Penerimaan masyarakat terhadap projek pembangunan.
- iii. Memaksimumkan faedah-faedah sosio ekonomi dan meminimumkan kos.
- iv. Mempertingkatkan keberkesanan projek melalui pengetahuan dan pengalaman tempatan.
- v. Membangunkan kapasiti masyarakat.
- vi. Melindungi golongan mudah terjejas (*vulnerable group*).

e) *Gambar / Data Asas*

SIA KATEGORI 1

Meliputi projek pembangunan di bawah seksyen 20B Akta 172, yang perlu mendapatkan nasihat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) terlebih dahulu, di mana cadangan pemajuan berserta laporan SIA hendaklah dikemukakan kepada MPFN.

SIA KATEGORI 2

Meliputi projek pembangunan di bawah subseksyen 22(2A), Akta 172 yang juga hendaklah dirujuk kepada MPFN untuk nasihat.

SIA KATEGORI 3

Meliputi projek-projek yang akan ditentukan oleh PLANMalaysia@Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui rundingan di peringkat negeri, dan boleh dikemaskini dari semasa ke semasa.

5.11 GARIS PANDUAN PERANCANGAN KEBENARAN MERANCANG TEMPOH TERHAD NEGERI MELAKA


a) Pengenalan

Keperluan Kajian

- Berdasarkan maklum balas dan permohonan nasihat yang telah diterima daripada PBT untuk menterjemahkan Seksyen 22(5)(a), Akta Perancangan Bandar dan Desa 197 (Akta 172).
- Keperluan untuk PBT memproses permohonan KMTT yang bersifat sementara dan bertempoh.

b) Tujuan / Matlamat

Menyediakan kaedah permohonan KMTT yang mengandungi syarat-syarat, proses dan prosedur kepada PBPT, 'stakeholder' dan lain-lain pihak yang berkepentingan.



PANDUAN PELAKSANAAN AKTA (PPA) 172 : PROSEDUR PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG TEMPOH TERHAD -

PPA ini merupakan PPA Ke-15 yang akan diterbitkan oleh PLANMalaysia.

(Sumber rujukan : Draf PPA 15, PLANMalaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan)

c) *Objektif*

Antara objektif bagi GPP KMTT Negeri Melaka adalah seperti berikut :

- i. Menjelaskan perbezaan mengenai terma, aktiviti yang dibenarkan, proses dan prosedur yang berbeza digunakan di antara Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT) dalam menguruskan permohonan aktiviti/pemajuan yang berkaitan.
- ii. Mewujudkan keseragaman dan amalan praktis terbaik di kalangan Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT) dalam Negeri Melaka selaras dengan peruntukan di bawah perenggan 22(5)(a) Akta 172.
- iii. Prosedur kawalan perancangan yang lebih jelas melibatkan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) semasa melaksanakan KM Tempoh Terhad dengan menjadikan penerbitan garis panduan ini sebagai rujukan dalam melayan bagi setiap permohonan tersebut.
- iv. Rujukan kepada pihak pemaju sebelum permohonan KM Tempoh Terhad dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) .

d) *Manfaat / Hasil*

Berikut merupakan antara manfaat yang diperolehi hasil daripada penyediaan GPP KMTT Negeri Melaka :

- i. Prosedur kawalan perancangan yang lebih jelas melibatkan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) semasa melaksanakan KM Tempoh Terhad dengan menjadikan penerbitan garis panduan ini sebagai rujukan dalam melayan bagi setiap permohonan tersebut.
- ii. Meningkatkan hasil pendapatan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) melalui fi pemprosesan yang dikenakan bagi setiap permohonan KM Tempoh Terhad.
- iii. Membolehkan aktiviti/pemajuan yang berkaitan dipertimbangkan untuk kelulusan KM Tempoh Terhad selaras dengan Seksyen 22(5)(a), Akta Perancangan Bandar dan Desa 197 (Akta 172).

KATEGORI DAN AKTIVITI YANG DIBENARKAN



Perubahan Material Penggunaan Bangunan

Suatu pemajuan atau aktiviti yang melibatkan perubahan kegunaan bangunan secara sementara dan tidak melibatkan perubahan struktur sama ada selaras atau tidak selaras dengan rancangan pemajuan sedia ada



Perubahan Material Penggunaan Tanah

Suatu pemajuan atau aktiviti yang tidak selaras dengan perancangan pemajuan semasa tetapi dibenarkan kerana ianya bersifat sementara, bukan struktur yang kekal serta pemajuan yang boleh diberhentikan pada bila-bila masa sekiranya diarahkan



Pemajuan Infrastruktur

Pembangunan infrastruktur bagi menyokong keperluan penduduk dan mengoptimalkan penggunaan bangunan atau tanah sedia ada



Pertanian yang Dijalankan di atas Tanah Pertanian dan Tanah yang Diberikan TOL/Pajakan Tanah Rezab

Pemajuan aktiviti pertanian termasuk penternakan dan akuakultur yang dijalankan diatas tanah pertanian dan tanah yang diberikan kebenaran untuk dimajukan oleh tuan tanah, tanah TOL atau di atas tanah rezab yang diberi pajakan.

5.12 MELAKA GEOGRAPHIC INFORMATION SYSTEM (MeLGIS)

a) Pengenalan

Selaras dengan hasrat Negara untuk memperkembangkan GIS, kerajaan melalui Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI), telah merangka satu program nasional bagi membangunkan infrastruktur perkongsian data geospasial antara agensi-agensi pembekal dan pengguna data geospasial.

PLANMalaysia@Melaka merupakan salah satu agensi yang mengambil peluang atas usaha Kerajaan Malaysia ini untuk mengembangkan penggunaan GIS di Negeri Melaka. Pembangunan pengkalan data pembangunan dan perancangan dimulakan pada tahun 2006 sehingga kini sehinggalah pada tahun 2009, Jabatan merangka untuk membangunkan GIS Web base yang boleh dilihat dan digunakan oleh semua orang.



GEOSPATIAL BRING YOU HERE

“Dalam mengharungi masa hadapan era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), teknologi GIS mampu menjadi pilihan utama pemegang taruh ke arah pembangunan dan pengurusan lebih cepat, tersusun dan mapan”.

b) Tujuan / Matlamat

Matlamat pembangunan migrasi ini adalah untuk meningkatkan keupayaan MeLGIS ke arah *seamless* dalam pengemaskinian data secara bersepadu, efisien dan sistematik serta *user friendly*.

c) *Objektif*

OBJEKTIF

Menyediakan platform pengemaskinian data secara *single sign on* antara sistem dan *database*.

Memudahkan dan mempercepatkan pengemaskinian data gunatanah dan menjadi rujukan agensi lain.

Membolehkan pengguna akses MeLGIS ke peranti mudah alih. Lebih *user friendly*.


Mewujudkan perkhidmatan secara *online* melalui integrasi MeLGIS dengan pengkalan data dan sistem E-Bayar.

d) *Manfaat / Hasil*


Aplikasi MeLGIS ini merupakan alat (*tool*) untuk **membantu golongan sasaran membuat keputusan (*decision making*)** khususnya berkaitan dengan pembangunan fizikal di sesebuah kawasan.

4 kategori

GOLONGAN SASARAN




Semua Agensi Kerajaan di Peringkat Persekutuan, Negeri dan Tempatan



Penyelidik & Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (Ipt)



Pelabur / Pemaju



Orang Awam



1 Sistem Aplikasi Web Base
Maklumat Perancangan Gunatanah

MelGIS



Peta Awam
Peta Awam Aplikasi MeLGIS
➔

Katalog Data
Katalog Data MeLGIS
➔

Manual Pengguna
Katalog Manual Pengguna
➔

Terma dan Syarat
Katalog Terma dan Syarat
➔

- Portal Aplikasi MeLGIS**
- Latar Belakang Sistem
 - Senarai Data beserta Jenis dan Kelas Data
 - Manual Pengguna
 - Terma dan Syarat
 - Kalendar

Hubungi Kami
 📞 +606-333-3333 (Ext 5135)
 📞 +606-23...
 ✉ jpbdmel...

Aplikasi Peta

- 1 **Map Viewer**
- 2 **Paparan Data**
- 3 **Carian No Lot, Jalan dan lain-lain**
- 4 **Fungsi Buffer, Alat Tulis, Ukuran, Cetak**
- 5 **Fungsi Identiti**
- 6 **Overlay Google, link google street**
- 7 **Pembayaran Online – Ebayer**





KATALOG DATA

Katalog Data

Katalog Data memaparkan senarai data-data yang boleh dicapai mengikut kategori pengguna. Untuk pengguna bisnes, terdapat beberapa jenis data yang boleh dibeli di sini.

Pengguna Awam	Pengguna Premium	Pengguna Korporat
Gunatanah Semasa RTD	Zon Utama Konservasi	Zon Utama Konservasi
Gunatanah Zoning RTD	Zon Penampakan Konservasi	Zon Penampakan Konservasi
Kad Indeks	Gunatanah Semasa	Gunatanah Semasa 2013
Lot Kadaster	Gunatanah Semasa RTD	Gunatanah Semasa 2014
Jalan	Gunatanah Zoning RTD	Gunatanah Semasa Jan - Jun 2015
Sempadan Daerah	Zoning RT Hang Tuah Jaya	Charting Melaka
Sempadan Mukim	Zoning RTD Alor Gajah 2020	Komitmed 2008 - 2015
Sempadan BP	Kad Indeks	Gunatanah Semasa RTD
Sempadan BPK	Lot Kadaster	Gunatanah Zoning RTD
Sempadan PBT	Jalan	Zoning RT Hang Tuah Jaya
	Sempadan Daerah	Zoning RTD Alor Gajah 2020
	Sempadan Mukim	Rumah Ibadat Bukan Islam 2010
	Sempadan BP	Tanah Lapang Warta Melaka 2014
	Sempadan BPK	Tanah Lapang Komited 2009 - 2014
	Sempadan Parlimen	Rezab Pendidikan 2013 - 2015
	Sempadan DUN	Kad Indeks
	Sempadan PBT	Lot Kadaster
	Sempadan JKCC	Jalan

OVERLAY IMEJ SATELIT



OVERLAY STREET VIEW

CARIAN DAN PAPARAN PETA GUNATANAH

- Projek ini mempunyai jaminan selama 12 bulan (1 Tahun) daripada tarikh projek siap.
- Sepanjang tempoh tersebut, perunding masih lagi perlu melakukan kerja-kerja penambahbaikan selaras dengan semakan atau error yang ditemui sepanjang pelaksanaan projek.



- Penyerahan projek hanya akan dilaksanakan selepas tamat tempoh jaminan 1 tahun selepas semua penambahbaikan selesai dijalankan.

5.13 KAJIAN PEMBANGUNAN DATA SPATIAL SEMPADAN JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG (JPKK)

a) Pengenalan

ASAS PERTIMBANGAN KAJIAN INI DILAKUKAN

MAKLUMAT PANGKALAN DATA YANG LEBIH TERSUSUN DAN PENGGUNAAN DATA SECARA BERSAMA

Pembangunan Data Geospasial Persempadanan Kampung Negeri Melaka yang akan dibangunkan akan menjadikan maklumat pangkalan data lebih tersusun terutama dalam membantu memacu pembangunan yang komprehensif bagi kampung-kampung di Negeri Melaka.



HAD SEMPADAN JPKK DAN SEMPADAN KAMPUNG YANG KURANG JELAS

Ketiadaan *data base* berkaitan sempadan kampung-kampung sediaada menyukarkan pihak tertentu di dalam mengurus dan mentadbir peruntukan, pembangunan serta menyukarkan orang awam untuk mendapatkan maklumat berkaitan kampung.

DASAR PERANCANGAN FIZIKAL DESA NEGARA 2030

Kajian ini selaras dengan Teras 3 di dalam Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 seperti berikut :

TERAS 3

PENGUKUHAN DAYA HUNI DESA

T3-1A: Memetakan aset desa.

T3-1B: Mengawal pertukaran guna tanah di kawasan luar bandar.



TIADA KAEDAH PENGHANTARAN POS YANG SPESIFIK

Penghantaran pos di kawasan kampung masih lagi tidak mempunyai kaedah yang sesuai untuk membolehkan setiap surat dihantar terus ke rumah yang berkenaan.

MATLAMAT KAJIAN



Membangunkan **data spatial** bagi **persempadanan Jawatankuasa Pembangunan & Keselamatan Kampung (JPKK), Penamaan Nama Jalan dan Nombor Rumah Kampung** yang jelas di seluruh Negeri Melaka.



*Nota

Data Spatial :

Lazimnya merujuk kepada helaian peta atau pelan yang dihasilkan melalui kaedah pengukuran di lapangan dan hasilnya diterjemahkan dalam bentuk simbol dan warna tertentu yang mudah difahami secara umumnya oleh orang ramai atau digunakan oleh pengamal badan-badan profesional yang berkaitan.

OBJEKTIF KAJIAN



OUTPUT

Maklumat pengkalan data yang lebih terkini dan tepat dalam membantu Pihak Berkuasa Negeri dalam membuat sebarang keputusan

01



02



Sempadan kampung / JPKK yang jelas yang memudahkan untuk urusan pentadbiran dan perancangan pembangunan dan program kemasyarakatan

03



Pemetaan nama jalan dan nombor rumah yang jelas memudahkan pengenalpastian kawasan pentadbiran dan alamat pos

04



Mengenalpasti unjuran dan keperluan pelbagai sektor pada masa hadapan

2017

- **PILOT PROJEK : DUN Asahan** (*in house*) oleh PLANMalaysia@Melaka.
- **April 2017** **November 2017.**
- **Majlis penyerahan pelan - November 2017.**
- **Mesyuarat JPN Bil.4/2017** - diteruskan untuk **3 DUN** lagi bagi tahun 2018. iaitu **DUN Sg. Rambai, DUN Kuala Linggi dan DUN Sg. Udang.**



2018

- **3 DUN** - DUN Sg. Rambai, DUN Kuala Linggi dan DUN Sg. Udang.
- **2 DUN** dapat disiapkan - DUN Sg. Rambai – 61 buah kampung.
- DUN Sg. Udang – 8 buah kampung.
- **Majlis penyerahan pelan – FGD 2019.**
- **DUN Kuala Linggi** di bawa ke tahun 2019.



- Kelulusan SUK (P16) – Keseluruhan Negeri Melaka.
- 28 DUN, 309 MPKK, 769 buah kampung.
- Sempadan MPKK telah disiapkan pada Mac 2019.
- PLANMalaysia Ibu Pejabat telah **mengambil alih kajian** ini melalui Kajian Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan (PSK) bermula pada **April 2019** dan kajian ini telah dimulakan pada 17 Mei 2019.

2019



Perbincangan di
DUN Ayer Limau



FGD 1 Daerah Alor Gajah
dan Daerah Jasin



FGD 2 Daerah Melaka
Tengah

- Bengkel Penyelarasan Sempadan Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung (JPKK) serta Penanda Papan Tanda (Nama Jalan dan No. Rujukan Rumah) Negeri Melaka 2020 :
 - Daerah Alor Gajah pada 25 Ogos 2020
 - Daerah Jasin pada 27 Ogos 2020
 - Daerah Melaka Tengah pada 01 September 2020
- Mesyuarat Bersama Jabatan Perangkaan serta Pejabat Pemantauan dan Pelaksanaan Negeri (MIMO) bagi Kajian Pembangunan Keselamatan Kampung (JPKK) serta Penanda Papan Tanda (Nama Jalan dan No. Rujukan Rumah) Negeri Melaka 2020

2020



Daerah Alor Gajah



Daerah Jasin



Daerah Melaka Tengah



Mesyuarat Kolaborasi
 PLANMalaysia@Melaka Bersama
 Jabatan Perangkaan serta Pejabat Pemantauan dan
 Pelaksanaan Negeri (MIMO)

5.14 SISTEM PENGURUSAN LATIHAN PLANMalaysia@Melaka (eSPeL)

a) *Pengenalan*

Sistem Pengurusan Latihan PLANMalaysia@Melaka (eSPeL) merupakan suatu sistem yang dibangunkan Jabatan secara atas talian (*online*) bertujuan mengawal keseluruhan pengurusan latihan Jabatan yang mana sistem ini berupaya untuk diakses secara global tidak mengira masa dan lokasi oleh seluruh warga PLANMalaysia@Melaka.

Sistem ini juga diwujudkan bagi menambahbaik pengurusan sedia ada latihan Jabatan yang telah dilaksanakan secara manual sebelum ini. Pembangunan sistem ini melibatkan kos sebanyak RM19,888.00 di bawah peruntukkan Belanja Mengurus (B17) sedia ada Jabatan yang telah diluluskan pada tahun 2020.

Jabatan berharap agar pembangunan sistem eSPeL ini mampu membawa kepada pengurusan latihan Jabatan yang lebih efisien, sistematik dan berkesan selaras dengan era permodenan masa kini.

b) *Tujuan / Matlamat*

- i. Sistem ini membolehkan Pegawai / Kakitangan di Jabatan untuk mengemaskini maklumat berkaitan latihan yang dihadiri di dalam sistem tanpa melibatkan pengemaskinian secara manual seperti sistem sedia ada.
- ii. Sistem ini mampu mengenalpasti latihan yang dipohon Pegawai / Kakitangan di Jabatan dengan mudah dan cepat.
- iii. Sistem ini juga mempunyai keupayaan untuk pemantauan serta penjanaan laporan / statistik latihan di Jabatan bagi tujuan rekod dan pelaporan secara berkala kepada Pengurusan Tertinggi di Jabatan.

c) *Objektif*

Antara objektif pengwujudan Sistem Pengurusan Latihan PLANMalaysia@Melaka (eSPeL) adalah seperti berikut :

- i. Mewujudkan sistem pengurusan latihan yang sistematik, cekap dan berkesan di Jabatan.
- ii. Sistem ini memberi kemudahan terutama kepada Bahagian Pentadbiran untuk memantau keseluruhan latihan dalaman yang dijalankan.
- iii. Mengenalpasti pegawai / kakitangan yang terlibat di dalam latihan yang dianjurkan oleh Jabatan / agensi luar.

d) *Manfaat / Hasil*

Sistem Pengurusan Latihan PLANMalaysia@Melaka (eSPeL) secara tidak langsung dapat memberi manfaat seperti berikut :

- i. Kesemua transaksi di dalam sistem ini boleh diakses / dijana / dikemaskini secara *real time*.
- ii. Penjana dan pemantauan Pengurusan Laporan Latihan Jabatan boleh diakses pada bila-bila masa sahaja.
- iii. Hebahan latihan dapat dilaksanakan secara serta merta.
- iv. Dapat memastikan keseimbangan penyertaan dalam kalangan pegawai / kakitangan dari segi bilangan latihan atau kursus yang perlu dihadiri.

e) Gambar / Data Asas / Lain-lain

The screenshot shows the eSPEL website interface. At the top, there is a navigation bar with the eSPEL logo, the user name 'UTAMA', and a profile picture of 'Cik Siti Rahmah Binti Yaakob'. There are buttons for 'Akaun Saya' and 'Log Keluar'. The main banner features a circular image of a library and the text 'Sistem Pengurusan Latihan PLAN Malaysia @ Melaka'. Below the banner, the section is titled 'Jadual Kursus'. There is a search bar and a table with the following data:

No	Nama Kursus	Mula	Tamat	Tempoh	Lokasi	Tindakan
1	PERSIDANGAN MAYA SMART GOVERNMENT AND PUBLIC SERVICES ANJURAN STAR MEDIA GROUP	07-09-2021 8:00 AM	08-09-2021 5:00 PM	2 hari	ATAS TALIAN	Mohon
2	KURSUS PROGRAM TRANSFORMASI MINDA TAHUN 2021 PLANMALAYSIA	06-09-2021 8:00 AM	10-09-2021 5:00 PM	5 hari	GOOGLE MEET	

The screenshot shows the 'Senarai Kursus' (Course List) page in the eSPEL system. The page has a sidebar menu with options like 'Senarai Kursus', 'Senarai Peserta', and 'Senarai Penganjur'. The main content area is titled 'Senarai Kursus' and includes a search bar and a table with the following data:

No	Nama Kursus/Jenis	No Rujukan	Tarikh Mula	Tarikh Tamat	Tempoh	Jumlah Peserta	Tempat	Anjuran
1	BIGARA EKSEKUTIF 2021 : PSIKOLOGI & KEPIMPINAN Kursus 29 hari lepas	227/6 JILID 52	12-08-2021 8:00 AM	12-08-2021 5:00 PM	1 hari	2	FACEBOOK JPA	PLANMalaysia@Melaka
2	PERSIDANGAN MAYA SMART GOVERNMENT AND PUBLIC SERVICES ANJURAN STAR MEDIA GROUP Kursus 2 hari lepas	227/6 JILID 52	07-09-2021 8:00 AM	08-09-2021 5:00 PM	2 hari	9	ATAS TALIAN	JKMM
3	KURSUS PROGRAM TRANSFORMASI MINDA TAHUN 2021 PLANMALAYSIA Kursus 11 jam lepas	227/6 JILID 51	06-09-2021 8:00 AM	10-09-2021 5:00 PM	5 hari	1	GOOGLE MEET	I-KPKT

esPEL :: esPEL :: Plan Malaysia @ X P esPEL :: Sistem Pengurusan Latihan X G google translate - Google Search X +

espej.jpbmelaka.gov.my/urus/senarai_peserta.php

esPEL

Search Keyword ID

Modul ini memaparkan semua peserta dalam sistem ini

Katakunci Cari Tambah Peserta

Papar: 10 rekod Copy Excel CSV PDF Column visibility Carian:

No	Nama Peserta	No Kad Pengenalan	Jumlah Kursus Tahun Ini	Status	Tindakan
1	TPr Norjafni bin Zainuddin	721220025593	4 hari	Aktif	Kemaskini Padam
2	Encik Mohd Rizal Bin Othman	780617055547	8 hari	Aktif	Kemaskini Padam
3	En Mohd Syukri Bin Yahya	800623015061	4 hari	Aktif	Kemaskini Padam
4	Encik Mohd Radzi Bin Mohamad	830426145753	6 hari	Aktif	Kemaskini Padam
5	Encik Hasnan Bin Hamzah	791102035057	7 hari	Aktif	Kemaskini Padam
6	Encik Mohd Fahrurazi Bin Ahmad Suleiman	831027015761	8 hari	Aktif	Kemaskini Padam
7	Puan Norazlina Binti Baharuddin	790116055126	8 hari	Aktif	Kemaskini Padam
8	Encik Kamaruzaman Bin Abd Rahman	840120045337	6 hari	Aktif	Kemaskini Padam
9	Puan Marzaedah binti Mat Jin <small>Encik Mohd Radzi Bin Mohamad</small>	740529136068	7 hari	Aktif	Kemaskini Padam
10	Encik Noorsham Iqbal bin Nordin	820127045067	7 hari	Aktif	Kemaskini Padam
No	Nama Peserta	No Kad Pengenalan	Jumlah Kursus Tahun Ini	Status	Tindakan

Paparan dari 1 hingga 10 dari 65 rekod (Ditapis dari jumlah 10 rekod)

⏪ Pertama
⏪ Sebelum
1 / 7
Kemudian
⏩ Akhir

OtaCMS © 2018 - 2021 esPEL :: Plan Malaysia @ Melaka esPEL :: developed by Dot Dot Holdings Sdn Bhd

esPEL :: esPEL :: Plan Malaysia @ X P esPEL :: Sistem Pengurusan Latihan X G google translate - Google Search X +

espej.jpbmelaka.gov.my/jadual/profile.php

esPEL

UTAMA Cik Siti Rahmah Binti Yaakob Akaun Saya Log Keluar

No	Nama Kursus	Mula	Tamat	Tempoh	Lokasi	Tindakan
1	TAKLIMAT SISTEM PENGURUSAN AMALAN NILAI 2.0 BAGI JABATAN / AGENSI DI BAWAH PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI MELAKA BERSAMA JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA	19-08-2021 8:00 AM	19-08-2021 5:00 PM	1 hari	GOOGLE MEET	Memo Panggilan Berita Ulasan
2	BICARA EKSEKUTIF 2021 : PSIKOLOGI & KEPIMPINAN	12-08-2021 8:00 AM	12-08-2021 5:00 PM	1 hari	FACEBOOK JPA	Memo Panggilan Berita Ulasan
3	KEMURUNGAN PEMBUNUH DALAM DIAM	12-08-2021 3:00 PM	12-08-2021 5:00 PM	1 hari	FACEBOOK/UNITPSIKOLOGIDANKAUNSELINGKMM	Memo Panggilan Ulasan Seleksi
4	MAJLIS KESYUKURAN SEMPERNA SAMBUTAN MAAL HIJARH 1443H PERINGKAT NEGERI MELAKA TAHUN 2021M DAN SETAHUN PELANTIKAN TYT TUN SERI SETIA (DR.) HAJI MOHD RUSTAM, YANG DIPERTUA NEGERI MELAKA	09-08-2021 5:00 PM	09-08-2021 6:00 PM	1 hari	FACEBOOK/Kerajaan Negeri Melaka	Memo Panggilan Ulasan Seleksi
5	KURSUS PENULISAN SURAT RASMI DAN MEMO BERKUALITI	22-06-2021 8:30 AM	22-06-2021 4:30 PM	1 hari	FACEBOOK/epengurusanlatihan	Memo Panggilan Ulasan Seleksi
6	KURSUS INTEGRITI: TUMBUK RUSUK PENGKISAHAN DARI TIRAI BESI	23-02-2021 8:00 AM	23-02-2021 5:00 PM	1 hari	GOOGLE MEET	Memo Panggilan Ulasan Seleksi
No	Nama Kursus	Mula	Tamat	Tempoh	Lokasi	Tindakan

eSPEL :: Sistem Pengurusan Latihan x +

espel.jpbdmelaka.gov.my/jadual/profile.php

Kemaskini Profil Saya

Nama

Jawatan

No Kad Pengenalan

Jabatan

Emel

Ketua Jabatan

No Tel Bimbit

Jadual Kursus

Papar 10 rekod

No	Nama Kursus	Mula	Tamat	Tempoh	Lokasi	Tindakan
1	BENGGEL PAMANTA MANAGMENT SYST					Memo Panggilan Beri Ulasan
2	WEBINAR SAMBUTA NEGERI MELAKA TA					Memo Panggilan Beri Ulasan
3	SESI TOWN HALL PE BERSAMA PIHAK PE					Memo Panggilan Beri Ulasan
4	TAKLIMAT PENYELARASAN BAGI MELAKSANAKAN SISTEM PENGURUSAN AMALAN NILAI 2.0 BAGI JABATAN DI BAWAH PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI MELAKA/JURAN JABATAN KETUA MENTERI MELAKA	09-09-2021 8:00 AM	09-09-2021 5:00 PM	1 hari	GOOGLE MEET	Memo Panggilan Ulasan Selesai
5	TAKLIMAT SISTEM PENGURUSAN AMALAN NILAI 2.0 BAGI JABATAN / AGENSI DI BAWAH PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI MELAKA	19-08-2021 8:00 AM	19-08-2021 5:00 PM	1 hari	GOOGLE MEET	Memo Panggilan

Type here to search

7:02 PM 28/11/2021

eSPEL :: Sistem Pengurusan Latihan x +

espel.jpbdmelaka.gov.my/jadual/profile.php

UTAMA Encik Muhammad Hazam Bin Dusuki

8	PROGRAM PERKONGSIAN ILMU TAHUN 2021 (BAHAGIAN PERANCANGAN WILAYAH) - RANCANGAN WILAYAH - KEPENTINGANNYA DALAM KONTEKS NEGARA	22-07-2021 10:00 AM	22-07-2021 5:00 PM	1 hari	WEBEX	Memo Panggilan Ulasan Selesai
9	KURSUS PENULISAN SURAT RASMI DAN MEMO BERKUALITI	22-06-2021 8:30 AM	22-06-2021 4:30 PM	1 hari	FACEBOOK/epengurusanlatihan	Memo Panggilan Ulasan Selesai
10	RANCANGAN PEMAJUAN : CABARAN DALAM PENGEZONAN GUNATAH BERTEPATAN DENGAN UNJURAN KEPERLUAN GUNATANH	15-03-2021 8:00 AM	15-03-2021 2:00 PM	1 hari	GOOGLE MEET	Memo Panggilan Ulasan Selesai
No	Nama Kursus	Mula	Tamat	Tempoh	Lokasi	Tindakan

Papar dari 1 hingga 10 dari 11 rekod (Ditapis dari jumlah 10 rekod)

Sebelum Kemudian

PLANMalaysia@Melaka

Aras 5, Wisma Negeri, Hang Tuah Jaya MITC
75450 Ayer Keroh, Melaka
Malaysia

© 2021 PLANMalaysia@Melaka :: Sistem Pengurusan Latihan (eSPEL) :: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka

Type here to search

7:03 PM 28/11/2021

6.0 PENUTUP



6.1 KESIMPULAN

Monograf pada edisi ini menceritakan tentang produk-produk jabatan yang telah dan sedang dihasilkan oleh PLANMalaysia@Melaka hasil kerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan dan agensi teknikal yang lain.

Penerbitan monograf ini memberi manfaat kepada umum, agensi-agensi kerajaan dan juga pihak swasta dalam menjadikan asas kepada perancangan dan pembangunan yang lebih berdaya saing khususnya di Negeri Melaka.

Dengan adanya info seperti ini secara tidak langsung dapat memberi gambaran asas kepada orang ramai dan boleh diperolehi secara lebih jelas daripada Jabatan PLANMalaysia@Melaka.

Secara keseluruhannya, terdapat 14 input jabatan yang telah diterangkan secara asas di dalam monograf ini :-

- a) Kajian Pelan Induk Pelancongan Negeri Melaka 2035
- b) Garis Panduan Perancangan Rumah Penyembahan Selain Islam Negeri Melaka (RPSI)
- c) Penerbitan Monograf Jabatan (Edisi 2020)
- d) Buletin Tahunan Jabatan (Tahun 2020)
- e) Garis Panduan Perancangan Laluan Basikal dan Pejalan Kaki Negeri Melaka (*Draf*)
- f) Buku Panduan Tatacara Pemprosesan Permohonan Secara Rundingan di Bawah Seksyen 20A, Akta 172, Negeri Melaka (*Draf*)
- g) Buku Panduan Tatacara Pemprosesan Permohonan di Bawah Subseksyen 5(2), Akta 172, Negeri Melaka (*Draf*)
- h) Garis Panduan Perancangan Kawasan Lapang dan Rekreasi Negeri Melaka
- i) Garis Panduan Perancangan Komunikasi (Struktur Pemancar) Sebagai Utiliti Ketiga Negeri Melaka
- j) Tatacara Pemprosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Peringkat Negeri Melaka (*Draf*)
- k) Garis Panduan Perancangan Kebenaran Merancang Tempoh Terhadap Negeri Melaka (*Draf*)
- l) *Melaka Geographic Information System (MeLGIS)*
- m) Kajian Pembangunan Data Spatial Sempadan Jawatankuasa Pembangunan & Keselamatan Kampung (JPKK)
- n) Sistem Pengurusan Latihan PLANMalaysia@Melaka (eSPeL)

6.2 PENGHARGAAN & TERIMA KASIH

PLANMalaysia@Melaka dengan kerjasama agensi-agensi yang lain telah berjaya menghasilkan beberapa produk yang bermanfaat terutamanya berkaitan bidang perancangan bandar dan desa. Data-data yang telah dihasilkan boleh dijadikan sebagai panduan atau rujukan terhadap sesuatu perancangan pembangunan.

Justeru itu, pihak PLANMalaysia@Melaka ingin merakamkan setinggi - tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri Melaka, semua jabatan-jabatan teknikal, agensi-agensi Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka, semua pegawai dan kakitangan PLANMalaysia@Melaka serta mana - mana individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyumbang tenaga dan idea bagi menjayakan penerbitan Monograf PLANMalaysia@Melaka 2021.



KULIT REPORT



PLANMalaysia@Melaka

(JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
NEGERI MELAKA)

**MONOGRAF
2021**

